

08 MAY 2003

MAHATHIR-FTA/I

MANA-MANA NEGARA BEBAS TANDA TANGAN EPRJANJIAN, KATA DR M

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mana-mana negara adalah bebas untuk menanda tangani dan mempunyai perjanjian dengan mana-mana negara lain jika itu adalah hak mutlak mereka.

"Jika mereka mahu ada sebarang perjanjian dengan sesiapa, itu adalah urusan mereka, bukan urusan kita," beliau memberitahu sidang media selepas merasmikan kompleks gas asli cecair (LNG) Petronas berharga RM16.6 bilion di sini hari ini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas mengenai perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang ditanda tangani di antara Singapura dan Amerika Syarikat di Washington Selasa lepas.

"Singapura adalah sebuah negara asing, ia adalah sebuah negara bebas. Kita tidak mengenakan sesuatu ke atas negara-negara asing. Jadi jika mereka mahu mempunyai sebarang perjanjian dengan sesiapa, itu adalah urusan mereka, bukan urusan kita," katanya.

Presiden AS George W. Bush dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong telah menanda tangani perjanjian perdagangan bebas dua hala di Washington, yang pertama di antara AS dan sebuah negara Asia.

Ditanya apa kesan perjajian itu ke atas perkumpulan Asean, Dr Mahathir berkata: "Daripada segi kita, kita adalah Asean dan kita tidak akan membenarkan sebarang perkara luaran mengganggu perkumpulan Asean."

Perkumpulan 10 anggota otu mengandungi Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. --
BERNAMA

FLL NT MKO SHY OS